

20 APR 1998

Mokhtar-Syarikat

TERENGGANU AMAL KONSEP MUAFAKAT ANTARA SYARIKAT

BANDAR PERMAISURI, 20 April (Bernama) -- Terengganu akan terus mengamalkan konsep permuafakatan antara anak-anak syarikat kerajaan negeri dengan syarikat swasta, terutamanya syarikat Bumiputera dalam melaksanakan sesuatu projek.

Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata tidak timbul soal adanya anak syarikat kerajaan negeri yang membolot sesuatu projek sehingga menjejaskan masa depan syarikat swasta atau syarikat Bumiputera.

"Kita lebih menekankan konsep permuafakatan atau berkongsi projek, yang mana anak-anak syarikat kerajaan yang mendapat projek daripada kerajaan akan mengagihkan sebahagian projek itu kepada syarikat swasta, terutamanya syarikat Bumiputera," katanya kepada pemberita selepas marasmikan pusat multimedia dan pelancaran laman Sekolah Menengah Kebangsaan Penarik di sini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan anak-anak syarikat kerajaan negeri supaya memastikan, persaingan mereka dalam melaksanakan projek pembangunan, tidak menjejaskan syarikat swasta lain, terutamanya syarikat Bumiputera.

Wan Mokhtar berkata sebagai contoh, anak syarikat Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT), Babena Sdn Bhd dan Hubungan Raya Terengganu Sdn Bhd, yang mendapat sesuatu projek akan memilih syarikat swasta atau syarikat Bumiputera yang berkelayakan untuk menjalankan usahasama.

Katanya melalui cara ini masa depan syarikat-syarikat swasta akan terjamin, dan tidak timbul soal tidak mendapat bayaran atau bayaran yang lambat, berbanding sesuatu projek yang besar diagih terus kepada pengusaha perseorangan.

Wan Mokhtar berkata kerajaan negeri menubuhkan anak syarikat untuk meneroka bidang pelaburan, dan dalam masa yang sama menggalakkan lebih banyak syarikat Bumiputera menikmati bersama kemudahan yang disediakan.

Katanya bukan niat kerajaan menubuhkan anak syarikat semata-mata untuk bersaing dengan syarikat swasta atau syarikat Bumiputera.

Bagaimanapun, dalam kegawatan ekonomi sekarang jumlah projek besar di negeri ini agak berkurangan dan tumpuan hanya diberikan kepada projek-projek yang benar-benar penting, katanya.

-- BERNAMA

IM RI